

# GUGATAN AKIDAH: REDA DENGAN KEKAFIRAN

Muhammad Qutaibah Suliman  
Muhammad Inamul Hassan Muhammad Shah  
Sulaiman Shakib Mohd Nor

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia,.

## Suggested Citation:

Suliman M. Q., Muhammad Shah M. I. H., & Mohd Nor S. S. (2015). Gugatan Akidah: Reda dengan Kekafiran dlm. *Prosiding Seminar Pemantapan Akidah 2015* (Jasmi K. A. & Hiasan Panot, Ed.) pada 16 Mei 2015 bertempat di Dewan Kuliah Khadijah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, Johor, hal. 143-160. ISBN: 978-967-0794-45-5.

## ABSTRACT

*Tajuk yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah mengenai perkara yang boleh merosakkan akidah seseorang Muslim sama ada dalam sedar atau tidak sedar. Selain itu reda dengan kekafiran ialah menerima sesuatu dengan hati terbuka dan mengizinkan kepada sesuatu itu untuk berlaku tanpa ada persoalan. Meredakan sesuatu perkara sama ada yang baik atau buruk dalam situasi yang tertentu. Seterusnya, kafir pula dimaksudkan dalam bahasa Arab kafir bermaksud orang yang menyembunyikan atau mengingkari kebenaran dalam sesuatu keadaan. Kafir juga digunakan kepada orang Islam yang mengingkari nikmat Allah. Reda dengan kekafiran boleh dijatuhkan kepada kekafiran dalam dua bentuk keadaan. Pertama ialah tidak mengkafirkan orang kafir. Kedua, tidak mengkafirkan orang Islam yang mengikuti upacara ibadat fahaman yang bukan Islam.*

## REFERENCES

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Al-'Uyairi, Et.Al Yusuf. (2007). *Muslimah berjihad!* (Ryan Huda & Azus Arifin Ed.): Niaga swadaya,2007.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Din, Haron. (2002). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faiz, Husna. (t.th.). *Kafir Mengkafirkan sesama islam* (Al-mihrab Ed.). Bandar seri damansara, Kuala lumpur: Book Mart Publication Sdn Bhd.
- Firdaus, Abdullah Hafiz. (2005). *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 3)*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.
- Hadi, Haji Abdul Awang. (2006). *Muqaddimah Aqidah Muslimin*. Kuala Lumpur: Sarjana Media Sdn Bhd.
- Hawa, Said. (1992). *Al-Islam: Syahadah dan Perkara yang Membatakannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah Eds. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ibrahim, Asy-syaikh shalih. (2007). *Hal-Hal yang Wajib Diketahui* (Arman Amry Ed.). Jakarta: Niaga Swadaya.
- Ilias, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). [http://eprints.utm.my/41061/1/KamarulAzmiJasmi2011\\_PerananPendidikanIslamPembangunanModal.pdf](http://eprints.utm.my/41061/1/KamarulAzmiJasmi2011_PerananPendidikanIslamPembangunanModal.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2003, 16 October 2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyadh al-Solihin*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga], Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Muhammad, Muhsin Khan. (1971). *sahih bukhari: peace vision*.
- Nashir, Hamd al-Fahd Syaikh. (2003). *Barangsiapa Yang Tidak Mengkafirkan Orang Kafir Maka Dia Kafir*.
- Othman, Alias. (2008). *Islam Yang Mudah*: PTS Islamika.
- Tamuri, Ab. Halim, Yusopp, Adnan, Osman, Kamisah, Abdul Razak, Khadijah, Awaludin, Shahrin, & Abdul Rahim, Zamri. (2004). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tharsyah, Adnan. (2004). *Manusia Yang Dicintai Dan Disayangi Allah* (yadi saeful hidayat Ed.). kairo: maktabah ubaikan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2003, 16 October 2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyadh al-Solihin*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga], Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.

- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Muhammad, Muhsin Khan. (1971). *sahih bukhari: peace vision*.
- Nashir, Hamd al-Fahd Syaikh. (2003). *Barangsiapa Yang Tidak Mengkafirkan Orang Kafir Maka Dia Kafir*.
- Othman, Alias. (2008). *Islam Yang Mudah: PTS Islamika*.
- Tamuri, Ab. Halim, Yusopp, Adnan, Osman, Kamisah, Abdul Razak, Khadijah, Awaludin, Shahrin, & Abdul Rahim, Zamri. (2004). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tharsyah, Adnan. (2004). *Manusia Yang Dicintai Dan Disayangi Allah* (yadi saeful hidayat Ed.). kairo: maktabah ubaikan.amzah, Hasnul Hizam. (2014). *Midrij al-Fawatih fi Syarh Misykat il-Masabih*. Seri Petaling, Kuala Lumpur: Miftahul Ulum.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2003, 16 October 2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyadh al-Solihin*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga], Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mhd. Zain, Akmal. (2004). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur, Al-Hidayah Publishers.
- Mohd Nor, Zalinah. (1990). *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Taher, Tarmizi. (2003). *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani Mati di Era Klenik*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

# 10

## GUGATAN AKIDAH: REDA DENGAN KEKAFIRAN

Muhammad Qutaibah Suliman  
Muhammad Inamul Hassan Muhammad Shah  
Sulaiman Shakib Mohd Nor

### Abstrak

*Tajuk yang dibincangkan dalam penulisan ini ialah mengenai perkara yang boleh merosakkan akidah seseorang Muslim sama ada dalam sedar atau tidak sedar. Selain itu reda dengan kekafiran ialah menerima sesuatu dengan hati terbuka dan mengizinkan kepada sesuatu itu untuk berlaku tanpa ada persoalan. Meredakan sesuatu perkara sama ada yang baik atau buruk dalam situasi yang tertentu. Seterusnya, kafir pula dimaksudkan dalam bahasa Arab kafir bermaksud orang yang menyembunyikan atau mengingkari kebenaran dalam sesuatu keadaan. Kafir juga digunakan kepada orang Islam yang mengingkari nikmat Allah. Reda dengan kekafiran boleh dijatuhkan kepada kekafiran dalam dua bentuk keadaan. Pertama ialah tidak mengkafirkan orang kafir. Kedua, tidak mengkafirkan orang Islam yang mengikuti upacara ibadat fahaman yang bukan Islam.*

### PENGENALAN

Pada zaman yang serba moden ini, pelbagai pendapat yang dapat diutarakan mengenai tajuk yang besar ini. Perkara ini juga terjadi di negara Islam sendiri iaitu Malaysia. Orang Islam yang hanya menjalani kehidupan harian tanpa mengambil kisah tentang hal yang terjadi di negara umat Islam ini, mereka tidak akan tahu apa yang dimaksudkan dengan reda dengan kekafiran dan apa pendapat ulamak mengenainya. Kebanyakan orang Islam tidak tahu atau lebih mudah dikatakan tidak mengambil tahu akan hukum dan

fatwa mengenai hal ini. Mereka hanya berfikir mengikut kehendak diri sendiri dalam menentukan sesuatu hukum. Islam hanya akan tinggal nama sahaja jika orang Islam tidak mengambil berat dalam mengetahui perkara yang sangat penting ini.

### CIRI ORANG ISLAM

Orang Islam adalah orang yang beriman serta percaya dengan segala yang dibawa oleh Nabi Muhammad tanpa meninggalkan perkara yang nabi buat (Jasmi, 2002; Jasmi & Md Salleh, 2007; Jasmi *et al.*, 2004; Jasmi *et al.*, 2007). Allah memuliakan orang Islam kerana tiada agama selain agama Islam yang boleh menandingi agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad (al-Attas, 1977; Basiran *et al.*, 2012; Din, 2002; Hawa, 1992; Jasmi, 2007). Dalam hadith ada menjelaskan (Abu Dawud, 2009):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ افْتَرَقَتِ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى أَوْ ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَتَفَرَّقَتِ النَّصَارَى عَلَى إِحْدَى أَوْ ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً

*Maksud: Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Orang yahudi terpecah menjadi 71 golongan dan orang nasrani terpecah menjadi 72 golongan, adapun ummat aku akan terpecah menjadi 73 golongan."*

(Abu Dawud)

Dalam riwayat lain ditambah (Ibn Majah, 2009: 3992):

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَتَفْتَرِقَنَّ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً وَاحِدَةً فِي الْجَنَّةِ وَثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ قَالَ الْجُمَاعَةُ

*Maksud: Demi diri Muhammad di tangan-Nya: Umatku akan berpecah-belah kepada 73 kumpulan hanya satu masuk ke syurga dan 72 lagi semuanya berada dalam neraka. Rasulullah SAW ditanya: "Wahai Rasulullah SAW siapakah mereka (yang masuk syurga itu)?" Rasulullah SAW menjawab "Yang berada dalam Jemaah (ahli sunah wa al-Jamaah)."*

*(Ibn Majah)*

Jadi agama Islam adalah agama yang sempurna dan cara perlaksanaannya adalah dengan cara yang dibawa oleh Rasulullah iaitu ahli sunnah wal jamaah. Ciri orang Islam yang terbaik ialah (Ilias & Jasmi, 2011; Jasmi, 2002; Jasmi *et al.*, 2003; Jasmi *et al.*, 2004; Jasmi *et al.*, 2007):

- (1) Muslim sejati tidak akan membunuh sesama sendiri.
- (2) Muslim sejati tidak akan menyakiti Muslim yang lain sama ada dengan lisan atau tangan.
- (3) Muslim sejati juga tidak akan mengkafirkan sesama Muslim.
- (4) Muslim sejati juga tidak akan membunuh orang Islam yang mereka kafirkan.
- (5) Muslim sejati juga tidak akan memberontak terhadap pemerintah yang ada.

Banyak lagi ciri-ciri orang yang beriman yang dapat senaraikan lebih panjang lagi. Akan tetapi, tajuk ini merujuk kepada ciri-ciri orang Muslim yang nombor 3 dan 4.

Perkara ini merujuk kepada tajuk di atas untuk membahaskan lagi tentang mengkafirkan orang kafir dan mengkafirkan orang Islam. Jika orang Islam tidak mempunyai ciri-ciri di atas bukanlah dia dinamakan orang Islam. Agama Islam adalah agama yang syumul (sempurna). Apabila agama yang diikuti sempurna maka keimanan kepada Allah akan sempurna mengikut cara yang dibawa oleh Nabi. Iman yang syumul akan membawa kepada amal yang soleh. Iman yang syumul adalah iman yang mempercayai wujudnya Allah, nama-nama, sifat-sifatnya, *afal*-Nya dan percaya segala yang diciptakan

oleh Nya sama ada ghaib atau nyata pada pandangan mata (Hadi, 2006). Dalam surah Muhammad Allah berfirman:

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ ﴿١٩﴾

*Maksud: Oleh itu, maka Tetapkan pengetahuan dan keyakinan-mu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadanya bagi salah silap yang Engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang yang beriman - lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di Akhirat).*

(Surah Muhammad, 47:19)

## MEMBENARKAN KEKAFIRAN

Dalam zaman yang serba penuh dengan cabaran ini, pelbagai ujian bagi orang Islam dalam mengekalkan keimanan masing-masing. Justeru itu sebagai orang Islam yang membawa ajaran Rasulullah S.A.W, umat Islam perlu tahu akan kenyataan mengenai agama lain selain Islam. Jadi, selain agama Islam, fahaman yang lain adalah sesat dan menyesatkan dalam kehidupan. Jatuh kufur kepada siapa yang membenarkan kekafiran. Seperti contoh, fahaman cina, budhha, kristian, syiah, rasul melayu, golongan anti hadith dan banyak lagi. Sebagai seorang Islam umat Islam tidak boleh membenarkan agama atau fahaman selain Islam. Dalam hal ini Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ  
مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

*Maksud: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang yang rugi.*

(Surah *Ali 'Imran*, 3:85)

Orang yang membenarkan dan menyetujui mengenai ajaran selain Islam dihukum kafir. Jika sudah benar-benar jelas mengenai kekafirannya tetapi dia tetap membenarkannya, boleh dihukum kafir. Ada golongan yang terus membenarkan ajaran selain Islam dan menegaskan ajaran itu betul dan benar, maka lebih teruklah kerosakan akidah dalam dirinya. selain itu, orang Islam yang membenarkan tentang agama lain, syahadahnya boleh terbatal dengan serta-merta (Ibrahim, 2007). Allah berfirman:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ  
مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا  
فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٦٦﴾

*Maksud: Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram Dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.*

(Surah *al-Nahl*, 16:106)

Akibat daripada membenarkan kekafiran, syahadah seseorang itu dalam keadaan bahaya. dengan ketidaksedaran manusia tentang kerosakan shahadahnya lagi mengakibatkan seluruh amalannya dan perbuatan bukan dalam penglihatan Allah. berkemungkinan



Allah tidak lagi memandangnya kerana sudah jatuh kufur dan membatalkan syahadah kepada sesiapa yang membenarkan kekafiran ajaran selain ajaran Islam.

## MENGKAFIRKAN ORANG KAFIR

Mengkafirkan orang kafir dengan segala apa yang dibawa oleh mereka sangat perlu dititikberatkan oleh orang Islam. hal ini kerana, segala ajaran yang bertentangan dengan agama Islam seperti Wahhabi, Nasrani Yahudi, Syiah, Buddha, Kristian, rasul Melayu, dan selainnya adalah bertentangan dengan ajaran Islam. jadi, sebagai orang Islam umat Islam wajib mengkafirkan segala apa yang dibawa daripada segi lisan, perbuatan dan segala kehidupan harian mereka dan segala apa yang mereka bawa. Firman Allah SWT:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ  
وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ  
قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥٥﴾

*Maksud: Dan Kami tetapkan atas mereka dalam Umat Islam Taurat itu, Bahawa jiwa dibalas Dengan jiwa, dan mata dibalas Dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka hendaklah dibalas (seimbang). tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang yang zalim.*

(Surah *al-Ma'idah*, 5:25)

Firman Allah yang lain berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارًا أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ  
اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾

*Maksud: Sesungguhnya orang yang kafir, dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekaliannya.*

(Surah al-Baqarah, 2:161)

Bagi orang kafir, mereka sudah terang kekafirannya, jadi bagi semua orang Islam dilarang sama selalu mengikuti segala yang dilakukan oleh mereka. menurut Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab dimana beliau berkata:

*Barangsiapa tidak mengkafirkan orang musyrik atau ragu tentang kekuufuran mereka atau menganggap pemahaman mereka itu benar, maka ia kafir.*

Untuk mengkafirkan orang kafir yang sudah jelas tentang kekafirannya serta sudah disepakati oleh ulamak akan kekafirannya, maka dihukumkan baginya kafir. Dalam hal ini, kafir terbahagi kepada dua, iaitu kafir asli dan kafir murtad. Kupasan diberikan kepada kedua-dua kategori ini dalam subtajuk berikut.

## **KAFIR ASLI DAN KAFIR MURTAD**

Kafir asli menunjukkan contoh seperti fahaman Yahudi, Nasrani, majusi dan selainnya. Para ulamak membuat persepakatan bahawa barang siapa tidak mengkafirkan mereka, maka dihukumkan kafir kepada mereka yang tidak mengkafirkan kafir asli ini. Kafir murtad pula memberi maksud kepada dua bahagian juga. Bahagian pertama menyatakan secara terang terangan bahawa dia masuk agama Yahudi, Nasrani atau selainnya, maka hukumnya adalah sama seperti kafir asli. Bahagian kedua pula, Melakukan pembata-

lan Islam tetapi dirasakan dia masih seorang Muslim sama ada tidak sedar akan pembatalannya atau kurang fahaman agama atau ketidaktahuan tentang sesuatu perkara itu (Nashir, 2003).

Darah orang yang bukan Islam yang bersifat kafir harbi halal dibunuh. Sebagai seorang Islam wajib memerangi golongan yang bukan Islam ini untuk menjadikan Agama Islam sebagai agama yang perlu dipertahankan dari masa ke semasa. Seperti yang difirmankan oleh Allah SWT:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ  
يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ  
الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً  
كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٦﴾

*Maksud: Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang ditetapkan) Dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah berserta yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu Dalam bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangannya); dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah Sesungguhnya Allah berserta orang yang bertaqwa.*

(Surah *al-Tawbah*, 9:36)

Memerangi orang kafir terdiri kepada dua golongan. Golongan pertama ialah golongan yang memerangi orang kafir dalam keadaan orang kafir tidak memerangi orang Islam dan hukumnya fardu kifayah. Kedua pula ialah golongan yang memerangi orang kafir daripada serangan orang kafir terhadap Islam dan hukumnya adalah fardu ain. Selain itu, memerangi orang kafir juga dikira sebagai jihad (al-'Uyairi, 2007).

Selain itu, dalam zaman yang serba moden ini pelbagai cara atau ciri-ciri khusus orang kafir seperti yang berlaku di Malaysia seperti, black metal, skinhead, dan lain-lain lagi hendaklah dijauhi. Barang siapa hidupnya menyerupai sesuatu kaum maka mereka adalah satu golongan daripada mereka. Siapa yang di dunia dia hidup dalam keadaan Nasrani, majusi, Yahudi, maka di akhirat kelak akan dibangkitkan dengan mereka yang mereka ikuti cara kehidupannya, sesuai dengan hadis (Abu Dawud, 2009: 4031):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

*Maksud: Ibn 'Umar berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk sebahagian daripada mereka."*

(Abu Dawud)

Jika di dunia kehidupan, percakapan, jual belia, hutang piutang, cara berpakaian nya, cara berjalan dan lain-lain lagi yang mengikut cara yang disampaikan oleh nabi Muhammad maka berjayalah dia. Jika sebaliknya dia meniru atau mengikuti cara kehidupan yang bertentangan dengan cara Rasulullah, maka rugilah dia. Satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 7280):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبِي قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ  
وَمَنْ يَا أَبِي قَالَ مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبِي

*Maksud: "setiap ummatku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan." Para sahabat bertanya: "siapakah yang enggan itu wahai Rasulullah?" beliau menjawab: "Barang siapa yang mentaatiku,*

*ia akan masuk al-jannah dan barang siapa yang bermaksiat kepadaku, maka sungguh ia enggan.”*

*(Al-bukhari)*

Siapa yang tidak mengikuti segala yang dibawa oleh Rasulullah maka dia tidak akan berpeluang mendapat syahwat yang diberikan kepada umatnya. Dapatlah difahami amat penting untuk umat Islam mengubah cara kehidupan umat Islam agar tidak sedikit pun mengikuti cara selain cara Rasulullah. Umat Islam perlu menyelidiki cara kehidupan Nabi Muhammad untuk kehidupan yang bermanfaat. Segala apa yang tidak pernah diajar oleh Rasulullah tidak bermanfaat untuk dibawa kepada kehidupan umat Islam. Maka rugilah siapa yang menjadikan model kehidupannya selain Rasulullah SAW.

## **MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM**

Islam agama syumul. yang mementingkan kesefahaman kepada semua orang Islam. pada zaman ini, budaya mengkafirkan orang Islam sudah menjadi kebiasaan orang Islam. mengkafirkan orang Islam menjadikan hubungan antara orang slam akan putus dan renggang, berlaku perpecahan, fitnah dan sebagainya. Islam melarang mengkafirkan orang Islam sesuka hati melainkan ada bukti kukuh mengenainya. Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ  
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

*Maksud: Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

*(Surah al-Hujerat, 49:10)*

Muslim dengan Muslim yang lain dihukumkan darahnya adalah haram untuk dibunuh. Akan tetapi sesiapa yang mengkafirkan orang Islam umpama berniat untuk menghalalkan darah saudara untuk dibunuh. Jadi perlu berhati-hati ketika mahu mengkafirkan orang Islam yang lain. Allah SWT berfirman:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ  
مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا  
فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾

*Maksud: Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram Dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.*

(Surah *al-Nahl*,16:106)

Sehubungan dengan itu seorang Islam tidak dilarang menuduh orang lain dengan kefasiqan dan tidak pula dia menuduhnya dengan kekafiran, melainkan hal ini akan kembali kepadanya jika orang yang tertuduh tidak demikian (Muhammad, 1971). Dalam hadis ada menjelaskan (al-Bukhari, 2001: 6103):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ يَا كَافِرُ فَقَدْ بَاءَ بِهِ أَحَدُهُمَا

*Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Apabila seseorang mengatakan kepada saudaranya,*

*“Wahai Kafir!”, maka hal ini akan kembali kepada salah seorang daripada kedua-duanya.”*

*(Al-Bukhari)*

Oleh yang demikian, sangat bahaya jika Muslim mengkafirkan Muslim yang lain. jika benar kekafirannya maka, tidak menjadi masalah. Akan tetapi, jika pengkafiran kepada Muslim itu tidak benar, maka kafir la yang mengkafirkan itu. kekafiran akan berpindah kepada yang menuduh itu jika tidak benar tuduhan itu. Selain itu, mengkafirkan Muslim yang lain adalah diumpamakan seperti membunuhnya (Firdaus, 2005). Seperti yang dikatakan oleh Al-Alla bin Ziyad, seorang tabii,

وَمَنْ قَالَ لِمُؤْمِنٍ يَا كَافِرُ فَهُوَ كَقَتْلِهِ

*Maksud: “Tidak ada bezanya antara kamu mengkafirkan seorang Muslim dengan membunuhnya.*

## **SIFAT UJUB**

Ujub terjadi akibat daripada mengkafirkan orang Islam tanpa ada alasan kukuh yang dijelaskan daripada para ulamak. Sifat ujub ini merupakan penyakit hati yang menyebabkan seorang itu merasakan dirinya lebih baik dari orang lain. Sifat kesombongan ini menjadikan seseorang itu menuduh seorang Muslim dengan kekafiran tanpa memikirkan cara yang lebih baik lagi. Menurut Imam Al-Qardhawi, bencana yang terkena kepada orang Islam disebabkan tindakan orang Islam sendiri yang menyakiti Muslim yang lain. Hal ini lebih teruk berbanding tipu daya yang dilakukan oleh orang bukan Islam.

Bagi yang mengikuti budaya barat, biasanya anak muda pada zaman ini seperti contoh, skinhead, black metal, dan lain-lain lagi. Mereka ini Islam, akan tetapi kurang ilmu agama dalam diri. Sehubungan dengan itu, umat Islam tidak beranggapan mereka ini

kafir, jauh sekali kerana mereka ini masih kenal dan percaya akan Allah. Akan tetapi, mereka hanya mudah terpengaruh dengan budaya barat yang boleh menjadikan diri mereka jauh daripada agama dan meruntuhkan akhlak mereka sebagai orang Islam. penapisan filem mengenai unsur yang boleh mempengaruhi mereka amatlah digalakkan dilakukan untuk mengurangkan penglibatan mereka tentang perang, adegan ganas, dadah, arak, unsur lucah dan banyak lagi.

### **MENJADIKAN ORANG KAFIR SEBAGAI PEMIMPIN**

Menjadikan orang kafir sebagai pemimpin dihukumkan haram. Hal ini demikian juga dikategorikan juga dalam meredakan dengan kekafiran. Allah SWT berfirman:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ  
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا  
مِنْهُمْ تَقَاةً وَيُحَذِّرْكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿٦٨﴾

*Maksud: Janganlah orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi teman rapat Dengan meninggalkan orang yang beriman. dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah Dalam sesuatu apa pun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu). dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya (menyeksa kamu). dan kepada Allah jualah tempat kembali.*

(Surah Ali 'Imran, 3:28)

Tafsir ibnu katsir menceritakan tentang umar yang membacakan ayat ini kepada Abu Musa al-Asy'ari mengenai menjadikan orang kafir sebagai pemimpin amatlah dilarang dalam Islam. lalu ummar



memecat orang yahudi itu. hal ini jelas diterangkan mengenai hal larangan keras untuk menjadikan orang kafir sebagai pemimpin (Tamuri *et al.*, 2004).

Sesiapa yang menjadikan orang kafir sebagai pemimpin, maka dia termasuk dalam golongan mereka, iaitu kafir. Larangan ini dilarang oleh Rasulullah dan Allah. orang kafir yang dalam diri mereka ada sifat ragu dan munafik akan memberi kesan yang negatif kepada orang Islam apabila orang kafir menjadi pemimpin. Ciri orang beriman juga adalah tidak berlemah lembut dengan orang kafir dan mereka tidak akan menjadikan orang kafir sebagai tempat perlindungan. Meskipun mereka tidak memerangi orang Islam, mereka akan membuat khianat, fitnah, pembohongan, kebencian dan lain lagi. Untuk menyelamatkan orang Islam, Islam sudah melarang daripada menjadikan orang kafir sebagai pemimpin. Mereka sudah dijauhkan daripada rahmat Allah. Kebencian kepada orang Islam disembunyikan sedalam dalamnya lebih dari apa yang diucapkannya. Selain itu, amalan orang Islam akan dijadikan sebagai bahan hinaan dalam sesuatu perkara. Sebagai kemudahan orang islam, diharamkan bagi mereka yang kafir untuk menjadi pemimpin (Tharsyah, 2004).

## **MELAKUKAN UPACARA PERAYAAN AGAMA LAIN**

Mengikuti upacara agama lain juga merupakan kategori meredakan dengan kekafiran. Selain itu, mengikuti upacara perayaan agama lain menjadikan umat Islam dengan secara tidak langsung membenarkan ajaran selain Islam. Hukum mengikuti ajaran bukan Islam terbahagi kepada dua keadaan.

Keadaan pertama ialah, orang Islam boleh menyambut perayaan selain agama Islam jika perayaan itu tidak berunsurkan keagamaan. Perayaan tersebut hanya berunsurkan tradisi atau untuk mengeratkan hubungan antara jiran atau rakan. Selain itu, perayaan yang boleh disambut hendaklah tiada unsur-unsur akidah, fitnah atau ragu-ragu yang boleh merosakkan pegangan orang Islam yang menyambutnya.

Keadaan kedua ialah, perayaan yang berunsurkan keagamaan, upacara keagamaan, pemujaan, dan selainnya. orang Islam dilarang untuk mengikuti perayaan tersebut kerana:

- (1) Menyambut perayaan bererti menyetujui mengenai pemujaan agama lain.
- (2) Boleh mendatangkan fitnah dan syubhah kepada orang Islam.
- (3) Mengelak daripada salah faham generasi akan datang.

Syubhah atau ragu-ragu juga merupakan suatu sifat yang perlu dielakkan oleh semua orang Muslim dalam kehidupan yang mencabar pada zaman ini. Jika umat Islam dapat mengelakkan diri dari sifat ini, maka akan terjagalah agama dan kehormatannya sebagai orang Islam. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنَ أَشْيَاءٍ إِن تَبَدَّ لَكُمْ  
تَسْؤُكُمْ وَإِن تَسْأَلُوا عَنْهَا حِينَ يُنزَّلَ الْقُرْآنُ تُبَدَّ لَكُمْ  
عَفَا اللَّهُ عَنْهَا وَاللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١١١﴾

*Maksud: Wahai orang yang beriman! janganlah kamu bertanyakan (kepada nabi) perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan al-Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara itu (yang tidak dinyatakan dalam Al-Quran); kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.*

(Surah *al-Ma'idah*, 5:101)

Bagi generasi akan datang, penglibatan datuk dan neneknya dalam perayaan agama selain Islam menjadikan minda mereka akan menyamakan agama Islam sama seperti dengan agama yang lain kerana setiap perayaan semua diikuti oleh datuk dan neneknya yang Islam (Othman, 2008).

## RUMUSAN

Agama Islam agama yang tepat dan bersesuaian dengan seluruh manusia di dunia ini. Agama Islam menjadikan orang Islam mempunyai pegangan yang kuat pada agama dan memudahkan orang Islam dalam menjalani kehidupan harian. Kerosakan akidah banyak sekali berlaku akibat daripada kesilapan diri sendiri yang tidak mahu mempelajari secara mendalam mengenai akidah dan pegangan. Didikan agama juga perlu ditambah kepada murid di sekolah dan juga di rumah sebagai ilmu yang patut dititikberatkan dalam kehidupan. Sebagai Muslim sejati, pengetahuan mengenai perkara meredakan dengan kekafiran ini sudah dapat difahami dan tidak menjadi ikutan oleh diri umat Islam keluarga dan rakan-rakan.

Selain itu, dinasihatkan kepada semua umat Islam agar mendalami ilmu akidah dengan lebih mendalam bagi mengelakkan diri terjerumus kepada hasutan orang bukan Islam. Agama yang diberikan bukan hanya dengan dipegang ketika masih hidup, tetapi perlu diajarkan kepada anak generasi akan datang agar mereka juga mampu menegakkan agama Islam sesuai dengan cara yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-'Uyairi, Et. Al Yusuf. (2007). *Muslimah berjihad!* (Ryan Huda & Azus Arifin Ed.): Niaga swadaya, 2007.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. (1977). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan*

- Agama Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Din, Haron. (2002). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faiz, Husna. (t.th.). *Kafir Mengkafirkan sesama islam* (Al-mihrab Ed.). Bandar seri damansara, Kuala lumpur: Book Mart Publication Sdn Bhd.
- Firdaus, Abdullah Hafiz. (2005). *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 3)*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.
- Hadi, Haji Abdul Awang. (2006). *Muqaddimah Aqidah Muslimin*. Kuala Lumpur: Sarjana Media Sdn Bhd.
- Hawa, Said. (1992). *Al-Islam: Syahadah dan Perkara yang Membatalkannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah Eds. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ibrahim, Asy-syaikh shalih. (2007). *Hal-Hal yang Wajib Diketahui* (Arman Amry Ed.). Jakarta: Niaga Swadaya.
- Ilias, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). [http://eprints.utm.my/41061/1/KamarulAzmiJasmi2011\\_PerananPendidikanIslamPembangunanModal.pdf](http://eprints.utm.my/41061/1/KamarulAzmiJasmi2011_PerananPendidikanIslamPembangunanModal.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2003, 16 October 2003). *Matodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas Kitab Riyadh al-Solihin*. Paper presented at the Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga], Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Muhammad, Muhsin Khan. (1971). *sahih bukhari: peace vision*.
- Nashir, Hamd al-Fahd Syaikh. (2003). *Barangsiapa Yang Tidak Mengkafirkan Orang Kafir Maka Dia Kafir*.
- Othman, Alias. (2008). *Islam Yang Mudah*: PTS Islamika.
- Tamuri, Ab. Halim, Yusopp, Adnan, Osman, Kamisah, Abdul Razak, Khadijah, Awaludin, Shahrin, & Abdul Rahim, Zamri. (2004). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tharsyah, Adnan. (2004). *Manusia Yang Dicintai Dan Disayangi Allah* (yadi saeful hidayat Ed.). kairo: maktabah ubaikan.